# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Ke-50

1971 - 2021

## PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM
## PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

Sabtu, 6 Ogos 2022
8 Muharam 1444H



LAPORAN TAHUNAN **2021**

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI PEJABAT PKPPI DI TALIAN
03-79494608 / 79493774

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli-ahli yang dihormati sekalian;
Semua AJK Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam, PPUM mengalu-alukan kehadiran

Y.Bhg Prof/Dato/Datin/ Tn. Hj/Pn. Hjh/Tuan/Puan dalam mesyuarat ini.

Semoga mesyuarat ini bersidang dengan penuh pemuafakatan sesama kita. Untuk itu pihak AJK telah menyediakan elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM 40.00 seorang kepada ahli-ahli yang mengikuti Mesyuarat Agung Ke-50 secara dalam talian hingga selesai.

## ATURCARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PKPPI KALI KE-50

8.00 pagi
Pendaftaran ahli

10.00 pagi
Mesyuarat Agung Tahunan PKPPI Kali Ke-50 bersidang (dalam talian)

12.00 tengah hari
Mesyuarat tamat

# Ucapan Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bersyukur ke hadrat Allah SWT saya masih berkesempatan pada tahun ini untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam (PKPPI), PPUM kali ke-50.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada PKPPI kerana terus menjadi salah sebuah persatuan utama di PPUM yang memperjuangkan matlamat sebagai badan berkebajikan dan begitu tepat untuk menjadi contoh yang baik kepada persatuan-persatuan yang lain. Keprihatinan dan kesiapsiagaan PKPPI untuk menyantuni ahli malah bukan ahli dalam situasi-situasi yang memerlukan, merupakan tindakan yang harus diberikan pujian.

Keterbukaan PKPPI untuk mencuba mempelbagaikan program dan aktiviti bagi menarik minat keahlian, mengumpul dana serta menyalurkan bantuan secara proaktif merupakan antara kekuatan persatuan ini. Semangat kesatuan dan kesepunyaan sentiasa digarapkan selaras motto PKPPI, No One Left Behind, atau dalam erti kata lain membangun bersama. Saya serta pihak Pengurusan Tertinggi PPUM akan sentiasa memberi sokongan sewajarnya kepada setiap usaha positif dan berkebajikan yang dijayakan.

Justeru saya doakan agar PKPPI terus istiqomah dalam menjaga dan meningkatkan kebajikan warga PPUM. 50 tahun yang lalu telah membuktikan keutuhan PKPPI sebagai persatuan yang terus berprestasi cemerlang. Saya turut doakan semoga semua AJK yang telah dilantik dapat menyumbang sebaiknya demi kebaikan dan kesejahteraan ahli serta PPUM secara keseluruhannya.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, Assalamualaikum WBT.



## Ucapan Aluan Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam, PPUM




Alhamdulliah, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Syukur yang tidak ternilai. Pada kesempatan ini, izinkan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam penganjuran Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam (PKPPI) kali ini.

Mengambil kesempatan berharga 50 tahun ini juga, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof Dr. Nazirah binti Hasnan, Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya, atas ruang yang diberikan dan sentiasa membuka peluang kepada Persatuan ini untuk terus mengemudi dan membantu menyemarakkan budaya saling prihatin dan membantu golongan memerlukan.

Tanpa melupakan seluruh ahli PKPPI yang setia memberikan cadangan, kritikan dan sokongan padu walau tidak dapat kami memenuhi tuntutan amanah jawatan ini sebaik mungkin. Alasan sememangnya mudah diungkap, tetapi kami sedar amanah ini bakal dipertanggungjawabkan.

Ungkapan “no one left behind” yang didendangkan sejak setahun yang lalu menjadi azimat buat kami dalam terus memberikan perkhidmatan terbaik buat semua. Ujian demi ujian kehidupan, seperti bencana alam, penyakit, kekurangan harta hatta kematian insan tersayang kami cuba usahakan semampunya.
Tegurlah dan bantulah untuk kita sama-sama bergandingan ke arah kejayaan dunia akhirat.

Akhir kata, walau tidak dapat bertentang mata, sama-sama panjatkan doa. Tiada kekuatan melainkan Dia. 50 tahun bukan sekadar bermemori, tapi apa yang lepas, itu bukan milik kita. Apa yang datang, itu belum tentu milik kita. Apa yang sekarang, itu yang perlu kita capai bersama. Allah bersama kita. Selamat bersidang!

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Saya yang menjalankan amanah,

Mohd Shazni Bin Abdullah
Yang Dipertua
Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam
Pusat Perubatan Universiti Malaya

## KANDUNGAN


| M/SURAT | PERKARA |
|---|---|
| 01 | Ucapan Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya |
| 02 | Ucapan Aluan Yang Dipertua<br>Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam, PPUM |
| 04-20 | Agenda |
| 21-23 | Organisasi<br>Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam<br>Pusat Perubatan Universiti Malaya<br>Penggal 2020 - 2023 |
| 24-29 | Aktiviti PKPPI Sepanjang Tahun 2021 |
| 30-50 | Penyata Kewangan 31 Disember 2021<br>Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam |
| 51-68 | Penyata Kewangan 31 Disember 2021<br>Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam<br>(Tabung Khairat) |
| 69 | Pengakuan Oleh Pegawai Utama Surau Ad-Deeniah |
| 70-78 | Penyata Kewangan 31 Disember 2021<br>Surau Ad-Deeniah |
| 79 | Sekalung Penghargaan |

# AGENDA

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam, Pusat Perubatan Universiti Malaya yang ke-50 diadakan pada 6 Ogos 2022 bersamaan 8 Muharam 1444H (Sabtu) jam 8.00 pagi secara dalam talian.

Agenda mesyuarat adalah seperti berikut:-

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat
2. Melantik seorang pencatat minit
3. Membentang dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung PKPPI ke-49
4. Perkara-perkara berbangkit
5. Membentang dan menerima Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan berakhir pada 31 Disember 2021
6. Membentang usul
7. Ucapan Yang Dipertua
8. Penangguhan mesyuarat

Sekian, terima kasih.

Shamshy bin Jamaluddin

Setiausaha
Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam
Pusat Perubatan Universiti Malaya

## Ahli Jawatankuasa PKPPI Penggal 2020-2023

| BIL. | AJK | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Ustaz Mohd. Shazni bin Abdullah | Yang Dipertua |
| 2. | Ustaz Kamal Eazzat bin Mat Isa | Naib Yang Dipertua |
| 3. | En. Shamshy bin Jamaluddin | Setiausaha |
| 4. | En. Ahmad Hazlan bin Alias | Bendahari |
| 5. | En. Mohd Zulfiqar bin Mohamed Noor | Penolong Setiausaha |
| 6. | En . Fahmi bin Ladola | Ketua<br>Biro Pembangunan Komuniti |
| 7. | En. Nurul Hidayat bin Ismail | Penolong Ketua<br>Biro Pembangunan Komuniti |
| 8. | En. Musiza Zaidi bin Badiozaman | Ketua<br>Biro Latihan & Hal Ehwal Pelajar |
| 9. | En. Sayuti bin Mohamad | Penolong Ketua<br>Biro Latihan & Hal Ehwal Pelajar |
| 10. | En. Mohd Fadil bin Shamsuddin | Ketua<br>Biro Ekonomi |
| 11. | Cik Hamimah binti Sa | Penolong Ketua<br>Biro Ekonomi |
| 12. | Puan Adila Mastura binti Ibrahim | Ketua<br>Biro Media |
| 13. | En. Wan Ab. Ghani bin Wan Idris | Penolong Ketua<br>Biro Media |
| 14. | Puan Noraini binti Samsudin | Ketua<br>Biro Hal Ehwal Wanita |
| 15. | Hjh. Maliza binti Mohamad | Penolong Ketua<br>Biro Hal Ehwal Wanita |

# CARTA ORGANISASI
# PEGAWAI SURAU AD-DEENIAH
# PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

TUAN HJ. KAMAL EAZZAT BIN MAT ISA (Imam I)



ENCIK ABDUL MOIN BIN ABDUL HAMID (Imam II)



ENCIK  MOHD HAFIZ BIN KAMISAN (Imam III)



ENCIK  MOHD SHAZNI BIN ABDULLAH (Imam iv)



TUAN HJ. MOHD YUSOFF BIN IBRAHIM (Bilal I)



ENCIK MOHD NOR ZAIDI BIN ABDULLAH (Bilal II)



ENCIK NASRUDDIN BIN MOHD ZAIN (Bilal iii)



ENCIK HUBBAN UTHMAN BIN M.JAUHARI (Bilal iv)



TUAN HJ. FAIZAL BIN YAAKOB (Siak)



## PENGURUSAN PEJABAT

RAHIMA BINTI ISMAIL (Pentadbiran)



SITI HALIJAH BINTI IBRAHIM (Kewangan)






**Barisan EXCO dan AJK PKPPI**

# PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam (PKPPI), Pusat Perubatan Universiti Malaya kali ke-49 diadakan pada 11 Disember 2021 bersamaan 6 Jamadil Awal 1443H (Sabtu) jam 9.00 pagi secara dalam talian.

## KEHADIRAN AHLI

Kehadiran ahli PKPPI, PPUM adalah seramai 998 orang yang mengikuti mesyuarat secara webinar melalui pautan yang diberi. Tempoh pendaftaran bagi menyertai mesyuarat ini adalah sebelum jam 9.00 pagi sehingga jam 10.00 pagi.

1.MELANTIK PENGERUSI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-49

Ustaz Mohd Shazni bin Abdullah, Yang Dipertua PKPPI mempengerusikan Mesyuarat Agung Ke-49 selaras dengan Fasal 13 Perlembagaan PKPPI, Yang Dipertua bertanggungjawab untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan.

2. MELANTIK PENCATAT MINIT

Mesyuarat bersetuju melantik Puan Aklima binti Abu Bakar sebagai pencatat minit bagi Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-49.

3. UCAPAN ALUAN PENGERUSI

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan PKPPI kali ke-49 secara dalam talian. Pengerusi memohon semua ahli yang mengikuti mesyuarat untuk berdoa dan menghadiahkan bacaan surah al-Fatihah buat ahli-ahli yang telah meninggal dunia. Berikut adalah senarai ahli yang telah meninggal dunia dari Januari 2021 sehingga tarikh mesyuarat ini diadakan:-

i. Hairuddin bin Abdul Wahap
ii. Noorul Syuhada Anis binti Mohd Nazri
iii. Mohd Ismail bin Abbas
iv. Mohd Nasyriq Azran bin Ab Aziz
v. Mohd Fariq bin Sandin @ Samdin
vi. Nor Azizah binti Ismail
vii. Mohd Irewan bin Mohd Noor Kamal
viii. Farrahanim binti Hamzah
ix. Nur Azni binti Hazarai
x. Muhammad Faiz bin Mohamad
xi. Abdul Hadi bin Mat Isa
xii. Amirrudin bin Mohd Dain

4. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-48

Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKPPI kali Ke-48 yang diadakan pada hari Sabtu 12 Disember 2020 bersamaan 26 Rabiulakhir 1442H secara webinar pada jam 10.00 pagi telah disahkan tanpa pindaan. Pengesahan minit dicadangkan oleh Encik Md Nazri bin Abdul Rahman dan disokong sebulat suara oleh semua ahli.

5. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

5.1 Tajaan umrah untuk ahli.

Maklum balas
Pengerusi memaklumkan program ini tidak dapat dijalankan pada tahun 2020 dan 2021 berikutan pandemik COVID-19 yang masih belum pulih sepenuhnya dan berharap agar program ini dapat dilaksanakan untuk tahun-tahun berikutnya, tertakluk kepada situasi semasa.

5.2 Permohonan menaikkan elaun kehadiran Mesyuarat Agung.

Maklum balas
Bendahari PKPPI memaklumkan pihak jawatankuasa perlu meneliti tahap kemampuan persatuan kerana apa sahaja yang melibatkan implikasi kewangan akan menambahkan komitmen yang baharu kepada semua ahli persatuan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

5.3 Permohonan menaikkan jumlah kuota peminjam pada setiap bulan.

Maklum balas
Bendahari PKPPI memaklumkan kuota peminjam sedia ada adalah seramai 10 orang dan cadangan penambahan kuota peminjam akan diperhalusi kerana setiap penambahan akan memberi implikasi dan komitmen yang baharu.

6. LAPORAN KEWANGAN

6.1 Laporan Kewangan PKPPI

a. Bendahari PKPPI telah membentangkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. (Nota-nota kepada penyata kewangan juga dilampirkan pada muka surat 30-50 )

Puan Hasnira binti Fauzi (No. Staf 9492) memohon penjelasan berkenaan perincian bantuan am. Bendahari memaklumkan bantuan am adalah meliputi perkara seperti berikut:-
i. bencana alam, kemalangan, kecurian
ii. kemasukan ahli ke wad melebihi tiga hari

b. Pelantikan semula syarikat audit luar

Bendahari mencadangkan untuk melanjutkan pelantikan syarikat audit luar iaitu Tetuan A.Razak & Co. untuk menyemak laporan kewangan persatuan dan khairat bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Cadangan ini disokong oleh Siti Jamilah Md. Jamil dan dipersetujui sebulat suara oleh semua ahli.

6.2 Laporan Kewangan Surau Ad-Deeniah

a. Bendahari Surau Ad-Deeniah telah membentangkan laporan kewangan berakhir 31 Disember 2020.

b. Bendahari memaklumkan kerja-kerja menaik taraf rumah pengurusan jenazah telah selesai sepenuhnya dan mula digunakan pada Julai 2021. Sehubungan itu beliau merakamkan penghargaan terhadap penyumbang-penyumbang yang terlibat.

c. Bendahari turut memaklumkan bahawa projek menaik taraf dataran bersebelahan rumah pengurusan jenazah sedang dirancang dan dijangka dapat menampung anggaran 300 jemaah.

d. Isu berbangkit

i. Cadangan penyediaan Vending machine

Maklum balas
Surau tidak menyediakan vending machine namun perancangan untuk meletakkan vending machine tersebut boleh dibuat mengikut keperluan di masa akan datang. Selain itu kewujudan vending machine juga dikhuatiri akan memberi persaingan kepada perniagaan kafe surau sedia ada.

ii. kadar faedah simpanan tetap

Maklum balas
Bendahari menjelaskan simpanan tetap dilaburkan di Bank Islam sahaja dengan kadar keuntungan sekitar 1.175 peratus.

7. HAL-HAL LAIN

7.1 Program Sesuci Kasih Gerobok Rezeki

Timbalan Pengerusi Surau Ad-Deeniah memaklumkan pada pertengahan November 2021 pihak surau telah menerima dana RM4,000.00 daripada pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi melaksanakan program Gerobok Rezeki.

7.2 Timbalan Pengerusi juga memaklumkan Surau Ad-Deeniah telah merancang Projek Komersial seperti penyediaan infak air mineral dan jualan amal kalendar tahun 2022.

7.3 Encik Mohd Mohd Fadzly bin Abd Ghafar (no.staf 12584) memohon agar maklumat dalam laman web dikemaskini dengan aktiviti yang terkini. Beliau juga memohon untuk dipaparkan penyata kewangan Surau Ad-Deeniah secara bulanan di papan kenyataan surau.

Maklum balas
Pengerusi memaklumkan sudut media tersebut akan ditambah baik dan ianya akan dilaksanakan oleh Biro Media PKPPI. Pengerusi juga memaklumkan bahawa komunikasi berkesan akan dilaksanakan secara terus kepada ahli-ahli pada masa akan datang.

7.4 Pemakluman semula usul yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung sebelum ini namun belum dipinda dalam Buku Perlembagaan PKPPI seperti berikut:

i. Yuran yang perlu dibayar adalah dari RM3.00 kepada RM5.00 secara keseluruhan. Pecahan yuran adalah RM3.00 untuk Tabung PKPPI manakala RM2.00 untuk Tabung Khairat.

ii. Jawatankuasa berhak untuk meminda dan mengubah jumlah yuran mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

iii. Faedah Khairat Kematian telah dinaikkan iaitu:-
a. Kematian ahli daripada RM1,500.00 kepada RM2,000.00
b. Kematian suami/isteri dinaikkan daripada RM1,000.00 kepada RM1,500.00
c. Kematian anak daripada RM 500.00 kepada RM700.00

iv. Pilihan skim pinjaman kewangan RM 500 dan RM800 dengan dua orang penjamin.

7.5 Usul Baharu.

7.5.1 Cadangan kerjasama dengan pihak Unit Pengurusan Dan Fasiliti untuk memantau tempat wuduk bagi surau-surau kecil yang berada di bangunan PPUM.

Maklum balas
Pengerusi memaklumkan bahawa surau-surau kecil yang berada di bangunan PPUM adalah di bawah seliaan Pemangkin PPUM.

7.5.2 Cadangan promosi keahlian PKPPI sebelum solat Jumaat.

Maklum balas
Cadangan mempromosi persatuan semasa sesi solat Jumaat akan dibincangkan bersama pihak surau bagi menerangkan faedah dan kemudahan yang diperolehi oleh ahli serta aktiviti yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

7.5.3 Cadangan penyediaan peti sejuk untuk barang basah bagi memastikan ketahanan barang di Gerobok Rezeki.

Maklum balas
Pengerusi menjelaskan bahawa hanya barang kering sahaja yang dibekalkan di Gerobok Rezeki tersebut setakat ini.

7.5.4 Cadangan mengadakan kelas tajwid

Maklum balas:
Usul akan dipertimbangkan.

7.5.5 Cadangan supaya meletakkan syarat penggunaan produk muslim yang halal di kafe PKPPI dan memastikan kafe tersebut mengikut SOP pengasingan sisa seperti yg diamalkan di PPUM.

Maklum balas
Pengerusi memaklumkan produk muslim telah digunakan oleh kafe persatuan dan pengasingan sisa pula diambil maklum untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

7.5.6 Sumbangan ahli untuk Program Sesuci Kasih Gerobok Rezeki

Maklum balas
Pengerusi memaklumkan modus operandi dan garis panduan akan dikeluarkan oleh jawatankuasa surau bagi menentukan spesifikasi barang yang boleh disalurkan kepada Gerobok Rezeki.

7.5.7 Jumlah bayaran untuk ibadah korban

Maklum balas:
Timbalan Pengerusi menjelaskan harga korban seekor lembu untuk satu bahagian bergantung pada harga semasa termasuk kos operasi seperti peralatan (pisau dan lain-lain keperluan).

7.5.8 Status projek surau dua tingkat.

Maklum balas
Bendahari memaklumkan perancangan pembinaan surau bertaraf dua tingkat atau Kompleks Islam mengalami kekangan dari segi kedudukan surau yang terletak di kawasan yang dikelilingi oleh bangunan-bangunan tinggi yang berkemungkinan akan mewujudkan timbul kesulitan di kemudian hari. Oleh yang demikian pembinaan tersebut tidak dapat diteruskan buat masa ini namun tetap akan diperhalusi di masa akan datang mengikut keperluan semasa demi kesejahteraan bersama.

7.5.9 Status keahlian ahli yang telah bersara.

Maklum balas:
Pengerusi memaklumkan ahli yang telah bersara boleh mendaftar sebagai Ahli Bersekutu mengikut terma dan syarat tertentu.

7.5.10 Cadangan taklimat kepada staf lantikan baharu untuk keahlian.

Maklum balas:
Cadangan akan diperhalusi dan diambil perhatian oleh jawatankuasa.

7.5.11 Permintaan untuk mendapatkan satu ruang niaga di Bangunan Plaza.

Maklum balas:
Cadangan akan diperhalusi dan diambil perhatian oleh jawatankuasa.

7.5.12 Kuliah Zohor pada setiap hari.

Maklum balas:
Pengerusi memaklumkan ceramah 45 minit memang telah diamalkan selama ini iaitu dari jam 1.00 petang sehingga 1.45 petang sebelum solat zohor berlangsung.

7.5.13 Cadangan pinjaman RM800.00 perlu ditambah kepada RM1,000.00.

Maklum balas:
Bendahari PKPPI memaklumkan kadar jumlah pinjaman baharu akan diteliti dan perlu diperincikan semula dengan syarat baharu.

7.5.14 Cadangan bantuan masuk wad dengan syarat minima satu hari kemasukan berbanding tiga hari sebelum ini.

Maklum balas:
Bendahari PKPPI memaklumkan cadangan akan dipertimbangkan dengan syarat yang baharu.

7.5.15 Cadangan penyediaan khemah di kawasan tempat letak kereta surau untuk jemaah pada hari Jumaat.

Maklum balas:
Timbalan Pengerusi surau memaklumkan bahawa pembinaan dataran surau yang sedang dirancang akan dapat menampung keperluan ini.

7.6 Pengerusi memaklumkan berkenaan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan seperti berikut.

a. Program Usrah Pelajar pada setiap hari Rabu.

b. Program Bakul Bantuan kepada mangsa yang terkesan dengan musibah Covid-19 kepada ahli.

c. Program Bacaan Yasin pada hari Khamis (minggu kedua) yang dipimpin oleh Ustaz Hj. Kamal Eazzat bin Mat Isa.

d. Kempen Derma Darah dengan kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi bagi membantu PPUM dalam membekalkan keperluan darah.

e. Program Anugerah Anak Cemerlang telah diadakan dan seramai lebih kurang 50 orang anak ahli telah diberikan saguhati penghargaan.

f. Keahlian PKPPI masih berlum dibuka kepada staf bukan beragama Islam namun segala aktiviti dan program yang dianjurkan oleh PKPPI boleh disertai oleh staf yang bukan beragama Islam juga.

8. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat Agung PKPPI Ke-49 pada 11 Disember 2021 bersamaam 6 Jamadil Awal 1443H ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

# LAPORAN SETIAUSAHA

## BILANGAN AHLI PKPPI BAGI TAHUN 2021

| BULAN | PELAJAR | STAF | PENGURUSAN | KONTRAK | BERSEKUTU | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Januari** | 74 | 2,795 | 3 | 317 | 9 | 3,198 |
| **Februari** | 0 | 2,990 | 3 | 37 | 9 | 3,039 |
| **Mac** | 0 | 2,987 | 3 | 39 | 9 | 3,038 |
| **April** | 0 | 2,976 | 3 | 40 | 9 | 3,028 |
| **Mei** | 0 | 2,971 | 3 | 40 | 9 | 3,023 |
| **Jun** | 0 | 2,963 | 3 | 40 | 9 | 3,015 |
| **Julai** | 0 | 2,952 | 3 | 42 | 9 | 3,006 |
| **Ogos** | 0 | 2,930 | 3 | 43 | 9 | 2,985 |
| **September** | 0 | 2,924 | 3 | 44 | 9 | 2,980 |
| **Oktober** | 0 | 2,920 | 3 | 43 | 9 | 2,975 |
| **November** | 0 | 2,900 | 3 | 41 | 9 | 2,953 |
| **Disember** | 0 | 2,909 | 3 | 44 | 9 | 2,965 |

Bilangan ahli PKPPI sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 2,965 orang

## JUMLAH PINJAMAN TAHUN 2021

| BULAN | BILANGAN / NILAI PINJAMAN | | | | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM500.00 | JUMLAH (RM) | RM800.00 | JUMLAH (RM) | |
| **Januari** | - | - | - | - | - |
| **Februari** | - | - | - | - | - |
| **Mac** | - | - | - | - | - |
| **April** | 1 | - | 22 | 18,100.00 | **18,100.00** |
| **Mei** | - | - | 2 | 1,600.00 | **1,600.00** |
| **Jun** | - | - | 5 | 4,000.00 | **4,000.00** |
| **Julai** | 1 | - | 2 | 2,100.00 | **2,100.00** |
| **Ogos** | - | - | 2 | 1,600.00 | **1,600.00** |
| **September** | - | - | 3 | 2,400.00 | **2,400.00** |
| **Oktober** | - | - | 2 | 1,600.00 | **1,600.00** |
| **November** | - | - | | | |
| **Disember** | - | - | | - | - |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | | **45,600.00** |

## JUMLAH TUNTUTAN KHAIRAT KEMATIAN, BENCANA DAN KEMASUKAN KE WAD

| BULAN | BILANGAN / NILAI TUNTUTAN (RM) | | | | | | | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Ahli 1,500.00 | Suami / Isteri 1,000.00 | Ibu / Bapa 300.00 | Anak 500.00 | Mertua 100.00 | Bencana (Tidak Melebihi 500.00) | Masuk Wad 100.00 | |
| Jan | 1 | - | 12 | - | 2 | - | 1 | 5,400.00 |
| Feb | 2 | 1 | 6 | - | 4 | - | 2 | 6,400.00 |
| Mac | - | - | 7 | - | 3 | - | 1 | 2,500.00 |
| Apr | - | - | 4 | - | - | - | - | 1,200.00 |
| Mei | 1 | - | 4 | - | 2 | - | 1 | 3,000.00 |
| Jun | - | - | 11 | - | 3 | - | 1 | 3,700.00 |
| Jul | - | - | 7 | - | - | - | 3 | 2,400.00 |
| Ogos | - | - | 6 | - | 2 | - | - | 2,000.00 |
| Sept | - | - | 1 | - | 3 | - | 1 | 700.00 |
| Okt | - | - | 4 | - | 1 | - | 2 | 1,500.00 |
| Nov | - | 1 | 6 | 1 | 2 | - | 2 | 3,700.00 |
| Dis | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JUMLAH KESELURUHAN (RM) | | | | | | | | 32,500.00 |

## MESYUARAT BULANAN PKPPI

| BULAN | TARIKH |
|---|---|
| JANUARI | 15 Januari 2021 |
| MAC | 19 Mac 2021 |
| SEPTEMBER | 22 September 2021 |
| OKTOBER | 20 Oktober 2021 |
| NOVEMBER | 24 November 2021 |
| DISEMBER | 29 Disember 2021 |

## LAPORAN AKTIVITI TAHUN 2021

| Bilangan Peserta Yang Diraikan | |
|---|---|
| Pesara | 56 orang |
| Anak-anak Cemerlang | 51 orang |
| UPSR/PSRA | 15 orang |
| PT3 | 16 orang |
| SPM | 11 orang |
| STPM/STAM/Diploma/Asasi/Matriks | 4 orang |
| Ijazah Pertama | 3 orang |

## SENARAI AJK SURAU AD-DEENIAH LANTIKAN 2020-2023

| BIL | NAMA | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | HISYAMUDDIN BIN BAHARI<br>(Telah melepaskan jawatan pada 22 Mac 2021) | 751101-09-2019 | Pengerusi |
| 2 | MOHD SHAZNI BIN ABDULLAH<br>(Lantikan berkuat kuasa mulai 10 November 2021) | 861017-26-5051 | Pengerusi |
| 3 | MOHD HAFIZ BIN KAMISAN | 850727-08-5975 | Timbalan Pengerusi |
| 4 | HAMIMAH BINTI SA | 720121-08-5326 | AJK Wanita |
| 5 | MAISARAH BINTI ABDUL RAHMAN | 630411-01-5810 | Bendahari |
| 6 | ANITA BINTI ADAM | 830630-08-5006 | AJK (Beliawanis)<br>Lajnah Hal Ehwal Wanita |
| 7 | MALIZA BINTI MOHAMAD | 690301-07-5200 | AJK (Wanita) |
| 8 | MUHAMMAD HAZRIN BIN HUSIN | 920920-14-5731 | AJK (Belia)<br>Lajnah Ekonomi & Penjanaan Hasil |
| 9 | ABDUL RAHMAN BIN ASTANGI<br>(Telah melepaskan jawatan pada 22 Mac 2021) | 851205-01-5691 | AJK<br>Lajnah Kebajikan & Sosial |
| 10 | Wan Ab Ghani bin Wan Idris<br>(Lantikan berkuat kuasa mulai 10 November 2021) | 671010-03-5141 | AJK<br>Lajnah Kebajikan & Sosial |
| 11 | IDRIS BIN AHMED | 850926-01-5929 | AJK<br>Lajnah Multi media |
| 12 | MUHD FAQRUR RADZI BIN MALIK<br>(Telah melepaskan jawatan pada 22 Mac 2021) | 861026-56-6163 | AJK<br>Lajnah Kerohanian & Dakwah |
| 13 | Mohd Fadil bin Shamsuddin<br>(Lantikan berkuat kuasa mulai 10 November 2021) | 790402-14-5333 | AJK<br>Lajnah Kerohanian & Dakwah |
| 14 | SAYUTI BIN MOHAMAD | 700520-11-5379 | AJK |
| 15 | MOHD FARID BIN ISA | 741105-12-5319 | AJK<br>Lajnah Pembangunan/ Prasarana |
| 16 | MOHAMED ZULFIQAR BIN MOHAMED NOOR | 810712-03-5071 | AJK |

# SURAU AD-DEENIAH
# PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA





## LAPORAN TAHUN 2021
## PEGAWAI SURAU AD-DEENIAH
## PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

### 1. ORGANISASI PEGAWAI SURAU

Ketua Imam : HJ. KAMAL EAZZAT BIN MAT ISA

Pegawai Surau : UST. ABDUL MOIN BIN ABDUL HAMID
UST. MOHD HAFIZ BIN KAMISAN
UST. MOHD SHAZNI BIN ABDULLAH
HJ. MOHD YUSOFF BIN IBRAHIM
UST. MOHD NOR ZAIDI BIN ABDULLAH
UST. NASRUDDIN BIN MOHD ZAIN
UST. HUBBAN UTHMAN BIN M.JAUHARI
HJ. FAIZAL BIN YAAKOB

### 2. OBJEKTIF / FUNGSI

- Menyusun dan menyelaras jadual pegawai surau secara bulanan dan tahunan
- Melaksanakan tugas hakiki pada waktu biasa dan cuti umum.
- Mengendali majlis keagamaan yang dianjurkan samada staf dan pelajar di surau Ad-Deeniah.
- Memastikan aktiviti pengimarahan surau & keagamaan berjalan lancar seperti yang dirancang.
- Membantu Biro Pembangunan Insan & Dakwah dalam melaksanakan aktiviti –aktiviti mereka.
- Mewujudkan kerjasama dengan institusi luar bagi program keagamaan & dakwah seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

3. SENARAI AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN PADA TAHUN 2021

- Melancarkan pelaksanaan solat berjemaah di surau
- Pelaksanaan solat Hari Raya Aildiftri & Aidiladha
- Membantu pelaksanaan aktiviti kuliah di surau
- Membantu pelajar,staf dan waris pesakit mengendalikan tahlil, bacaan Yassin, dan solat hajat
- Mengendalikan pelaksanaan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Perdana pada 31 Disember 2021
- Melaksanakan program kenduri tahlil/doa selamat sekali sebulan (berdasarkan permintaan)
- Melaksanakan aktiviti di bulan Ramadhan melalui program Ihya' Ramadhan dan hari raya

1) Tadarus Al-Quran
2) Solat Terawih
3) Kutipan zakat fitrah
4) Program Qiamullail
5) Majlis Khatam Al-Quran
6) Solat sunat hari raya

- Membantu AJK Surau & PKPPI dalam aktiviti yang dianjurkan seperti sumbangan bakul makanan untuk ahli terkesan Covid-19, Program Derma Darah serta Gotong-Royong Perdana.
- Membantu melancarkan proses pengurusan jenazah yang dilaksanakan di Surau Ad-Deeniah
- Menyertai program anjuran PPZ MAIWP iaitu Kursus Amil secara atas talian serta program anjuran JAWI iaitu Taklimat Pelupusan Al-Quran & Kitar Semula secara atas talian dan Program Musaadah Qurban.

4. CADANGAN AKTIVITI AKAN DATANG

- Meneruskan semua aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2021
- Meningkatkan kerjasama dengan Biro Pembangunan Insan & Dakwah.
- Membantu biro-biro lain dalam menjayakan program di surau.
- Berusaha memperbanyakkan kerjasama dengan agensi luar bagi program yang lebih mantap.

5. KESIMPULAN

Pihak Surau Ad-Deeniah berusaha merancak semula aktiviti surau yang masih terkesan dengan Covid-19. Beberapa program bersemuka mula dijalankan dengan SOP yang tertentu untuk mengeratkan semula ukhuwwah antara pegawai surau dan jemaah. Diharap dengan berkurangnya kes Covid-19, membuka lebih banyak ruang buat Surau Ad-Deeniah untuk mengatur aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada jemaah dan seterusnya mengembalikan kegemilangan rumah Allah sebagai pusat ilmu serta aktiviti kemasyarakatan merangkumi setiap peringkat umur.

Laporan disediakan oleh,

……………………………….
Hj. Kamal Eazzat bin Mat Isa
Ketua Pegawai Surau,
Surau Ad-Deeniah, PPUM

ORGANISASI
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
PENGGAL 2020 - 2023

| BIL | AJK | Gambar |
|---|---|---|
| 1. | Encik Mohd Shazni bin Abdullah |  |
| 2. | Tuan Haji Kamal Eazzat bin Mat Isa |  |
| 3. | Encik Shamsy bin Jamaluddin |  |
| 4. | Encik Mohamed Zulfiqar bin Mohamed Noor |  |
| 5. | Encik Ahmad Hazlan bin Alias |  |

ORGANISASI
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
PENGGAL 2020 - 2023

| | | |
|---|---|---|
| 6. | Encik Mohd Fadil bin Shamsuddin |  |
| 7. | Puan Noraini bin Samsudin |  |
| 8. | Encik Musiza Zaidi bin Badiozaman |  |
| 9. | Pn. Adila Mastura binti Ibrahim |  |
| 10. | Hajjah. Maliza binti Mohamad |  |

ORGANISASI
PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
PENGGAL 2020 - 2023

| | | |
|---|---|---|
| 11. | Cik Hamimah binti Sa |  |
| 12. | Encik Nurul Hidayat bin Ismail |  |
| 13. | Encik Wan Ab. Ghani bin Wan Idris |  |
| 14. | En. Sayuti bin Mohamad |  |
| 15. | Encik Fahmi bin Ladola |  |

## AKTIVITI PKPPI SEPANJANG TAHUN 2021












Pihak PKPPI turut menyumbangkan barangan keperluan harian kepada ahli yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan di Lokaliti PKPD

## AKTIVITI PKPPI SEPANJANG TAHUN 2021



Kuliah Dhuha Muslimat pada 3 April 2021 membawa tajuk Fadhilat Ramadhan Al Mubarak dibimbing oleh Ybhg. Ustazah Hafsa binti Syed Mohamad.



Program Ambang Ramadhan 1442H sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubaraq pada 6 dan 7 April 2021. Antara aktivitinya adalah perkhidmatan kaunter PPZ, Program Derma Darah Perdana dengan anjuran bersama PKPPI dan Jabatan Perubatan Transfusi, PPUM. Pada hari yang sama juga PKPPI dan Surau Ad-Deeniah juga telah menyediakan sebanyak 350 bungkus bubur lambuk untuk diagihkan kepada jemaah dan staf.

AKTIVITI PKPPI SEPANJANG TAHUN 2021




Siri kedua Solat Sunat Tasbih & Kuliah Dhuha Muslimat di bawah tajuk Peranan Wanita Dalam Memperkasa Keluarga yang juga dibimbing oleh Ybhg. Ustazah Hasfa binti Syed Mohamad telah diadakan di Surau Ad-Deeniah pada 9 Oktober 2021 dan 30 orang muslimat telah hadir bagi program pada kali ini.




Kempen Derma Darah Perdana anjuran bersama PKPPI dan Jabatan Perubatan Transfusi diadakan buat kali kedua di Dataran Siti Khadijah pada 20, 21 dan 22 Oktober 2021.

## AKTIVITI PKPPI SEPANJANG TAHUN 2021



Mesyuarat Agung Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam, PPUM Kali Ke-49 telah diadakan pada 11 Disember 2021 secara dalam talian.



Kelas “Bakery” yang mendapat sambutan baik dari 20 orang peserta yang terdiri dari staf PPUM telah diadakan di Bilik Serbaguna Surau Ad-Deeniah pada 18 Disember 2021.

# AKTIVITI PKPPI SEPANJANG TAHUN 2021











Pada penghujung bulan Disember 2021 seluruh kawasan Lembah Klang telah dilanda banjir besar yang telah memusnahkan banyak harta benda. Staf PPUM juga turut menjadi mangsa musibah ini. Atas rasa prihatin dan bersimpati, Jawatankuasa PKPPI telah membuat beberapa siri ziarah dan menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian serta turut menyumbangkan tenaga dalam misi membersihkan rumah mangsa-mangsa banjir.

## GAMBAR-GAMBAR



Gotong royong perdana telah berlangsung pada 27 Mac 2021, dengan kerjasama Surau Ad-Deeniah dan PKPPI serta dibantu pelajar Kolej Sains Kesihatan.



Pada 16 November 2021 pihak MAIWP dan JAWI telah menyalurkan dana sebanyak RM4,000 bagi menjalankan program Gerobok Rezeki yang menyediakan barangan keperluan harian untuk diagihkan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan tanpa mengira sama ada staf PPUM atau bukan, beragama Islam atau pun bukan Islam. Program ini telah pun dilancarkan dan mula membuat agihan pada 14 Disember 2021.

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**PENYATA KEWANGAN**
**31 DISEMBER 2021**

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**


| **KANDUNGAN** | **MUKA SURAT** |
|---|---|
| MAKLUMAT KORPORAT | 5 |
| LAPORAN AHLI JAWATANKUASA | 6 |
| LAPORAN JURUAUDIT | 7 - 10 |
| PENYATA KEWANGAN | |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 11 |
| Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan | 12 |
| Penyata Perubahan Dana Biasa | 13 |
| Penyata Penerimaan dan Pembayaran | 14 |
| Nota-nota kepada Penyata Kewangan | 15 - 23 |

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**MAKLUMAT KORPORAT**

**ALAMAT BERDAFTAR**

Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 Lembah Pantai
Kuala Lumpur

**ALAMAT TEMPAT URUSAN UTAMA**

Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 Lembah Pantai
Kuala Lumpur

**JURUAUDIT BEBAS**

A. Razak & Co. (AF0842)
Chartered Accountants
51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

**BANK**

Bank Islam Malaysia Berhad

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

## LAPORAN AHLI JAWATANKUASA

Kami, MOHD SHAZNI BIN ABDULLAH dan AHMAD HAZLAN BIN ALIAS, dua ahli daripada jawatankuasa Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam Pusat Perubatan Universiti Malaya ("Persatuan"), menyatakan bahawa pada pendapat para ahli jawatankuasa Persatuan tersebut, penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 8 hingga 20 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 dan penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan dana am dan penyata penerimaan dan pembayaran untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan ringkasan dasar-dasar perakaunan utama yang dibentangkan di Nota 3(a) hingga 3(g) kepada penyata kewangan dan menurut peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak ahli-ahli jawatankuasa Persatuan tersebut selaras dengan resolusi para ahli jawatankuasa bertarikh

MOHD SHAZNI
BIN ABDULLAH
**Yang Dipertua**

AHMAD HAZLAN
BIN ALIAS
**Bendahari**

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants
51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

**LAPORAN AUDIT BEBAS**
**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

## Laporan Mengenai Audit Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam Pusat Perubatan Universiti Malaya ("Persatuan") merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan dana am dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan utama dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan di muka surat 8 hingga 20.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Persatuan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangannya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut dasar-dasar perakaunan yang dibentangkan di Nota 3(a) hingga 3(g) kepada penyata kewangan dan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

### Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### Tanggungjawab Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Persatuan selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants

51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

**LAPORAN AUDIT BEBAS**
**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**Tanggungjawab Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli-ahli jawatankuasa adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan dasar-dasar perakaunan yang dibentangkan di Nota 3(a) hingga 3(g) kepada penyata kewangan dan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. Ahli-ahli jawatankuasa juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapkan atau pecah amanah. Ahli-ahli jawatankuasa adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Persatuan. ahli-ahli jawatankuasa adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Persatuan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan. menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika ahli-ahli jawatankuasa berhasrat untuk membubarkan Persatuan atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit Untuk Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Persatuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusaan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Persatuan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants

51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

**LAPORAN AUDIT BEBAS**
**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**Tanggungjawab Juruaudit Untuk Pengauditan Penyata Kewangan (Samb.)**

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Persatuan.

- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh ahli-ahli jawatankuasa.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian ahli-ahli jawatankuasa menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Persatuan untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Persatuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Waiau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Persatuan untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Persatuan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan ahli-ahli jawatankuasa mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants
51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com.my

**LAPORAN AUDIT BEBAS**
**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**Lain-lain Perkara**

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli jawatankuasa Persatuan, sebagai sebuah badan. dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO.
AF: 0842
Chartered Accountants

ABD RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
01522/03/2024 J
Chartered Accountant

Kuala Lumpur.
Date:

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2021**

| | NOTA | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Pinjaman kepada ahli | 4 | 436,945.00 | 444,574.00 |
| **Aset Semasa** | | | |
| Pinjaman kepada ahli | 4 | 98,402.00 | 98,402.00 |
| Simpanan tetap | 5 | 280,344.37 | 276,790.93 |
| Tunai di bank | 6 | 829,467.34 | 742,677.26 |
| Tunai di tangan | | 1,406.36 | 146.36 |
| | | 1,209,620.07 | 1,118,016.55 |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Pemiutang lain | 7 | 33,900.80 | 32,268.40 |
| **Aset semasa bersih** | | 1,175,719.27 | 1,085,748.15 |
| | | 1,612,664.27 | 1,530,322.15 |
| **Dibiayai oleh:-** | | | |
| **Dana biasa** | | | |
| Pada 1 Januari | | 1,036,554.91 | 940,733.89 |
| Lebihan pendapatan bagi tahun kewangan | | 64,534.94 | 95,821.02 |
| Pada 31 Disember | | 1,101,089.85 | 1,036,554.91 |
| Tabung Khairat | 8 | 511,574.42 | 493,767.24 |
| | | 1,612,664.27 | 1,530,322.15 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | NOTA | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Yuran ahli | | 107,102.00 | 125,247.00 |
| Yuran pendaftaran ahli | | 852.00 | 1,147.00 |
| Sewa kantin PKPPI | | 36,399.45 | 21,665.45 |
| Sumbangan | | 1,750.00 | 2,090.00 |
| Hibah | | 591.26 | 613.17 |
| | | 146,694.71 | 150,762.62 |
| **TOLAK: PERBELANJAAN** | | | |
| Alatulis dan percetakan | | 240.00 | 240.00 |
| Pentadbiran | 9 | 4,639.20 | 11,976.20 |
| Bil utiliti | | 7,206.67 | 6,030.50 |
| Mesyuarat Agung | 10 | 43,554.00 | 17,280.00 |
| Biro Pembangunan Komuniti | 11 | 19,570.00 | - |
| Biro Kemasyarakatan, Kesenian & Sukan | | - | 15,300.00 |
| Elaun kehadiran mesyuarat | | 1,890.00 | 2,590.00 |
| Caj bank | | 67.50 | 132.50 |
| SST | | 92.40 | 92.40 |
| Sumbangan | | 3,600.00 | - |
| Yuran audit | | 700.00 | 700.00 |
| Yuran ejen cukai | | 600.00 | 600.00 |
| | | 82,159.77 | 54,941.60 |
| LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI | | 64,534.94 | 95,821.02 |
| Cukai | 12 | - | - |
| LEBIHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN | | 64,534.94 | 95,821.02 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**PENYATA PERUBAHAN DANA BIASA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

| | Dana Biasa RM |
|---|---|
| Pada 1 Januari 2020 | 940,733.89 |
| Lebihan pendapatan bagi tahun kewangan | 95,821.02 |
| Pada 31 Disember 2020 | 1,036,554.91 |
| Lebihan pendapatan bagi tahun kewangan | 64,534.94 |
| Pada 31 Disember 2021 | 1,101,089.85 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

| | NOTA | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **PENERIMAAN** | | | |
| Yuran ahli | | 107,102.00 | 125,247.00 |
| Yuran pendaftaran ahli | | 852.00 | 1,147.00 |
| Bayaran balik pinjaman | | 46,229.00 | 69,503.00 |
| Sewa kantin PKPPI | | 36,399.45 | 21,665.45 |
| Sumbangan | | 1,750.00 | 2,090.00 |
| Hibah | | 591.26 | 613.17 |
| | | 192,923.71 | 220,265.62 |
| **TOLAK: PEMBAYARAN** | | | |
| Pentadbiran | | 4,639.20 | 12,612.20 |
| Bil utiliti dan sewa kantin PKPPI | | 7,206.67 | 7,360.10 |
| Mesyuarat Agung | | 43,554.00 | 17,280.00 |
| Biro Pembangunan Komuniti | | 19,570.00 | - |
| Biro Kemasyarakatan, Kesenian & Sukan | | - | 15,300.00 |
| Elaun kehadiran mesyuarat | | 1,890.00 | 2,590.00 |
| Caj bank | | 67.50 | 132.50 |
| Sumbangan | | 3,600.00 | - |
| Pinjaman kepada ahli-ahli | | 38,600.00 | 52,500.00 |
| | | 119,127.37 | 107,774.80 |
| LEBIHAN PENERIMAAN ATAS PEMBAYARAN | | 73,796.34 | 112,490.82 |
| TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | | 525,847.31 | 413,356.49 |
| TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 13 | 599,643.65 | 525,847.31 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam Pusat Perubatan Universiti Malaya ("Persatuan") adalah membantu pekerja-pekerja Islam di Pusat Perubatan Universiti Malaya di dalam aspek kebajikan. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan utama Persatuan tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

Persatuan ini adalah sebuah badan kebajikan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia dengan nombor pendaftaran PPM-004-14-07121971. Tempat urusan utama Persatuan ini adalah di Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh jawatankuasa Persatuan untuk diterbitkan menurut resolusi para ahli jawatankuasa pada

### 2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") yang diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board (MASB) dan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 yang diluluskan di Malaysia.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan pada asas kos sejarah.

(c) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

(i) Pertimbangan Kritikal Dalam Menggunapakai Dasar Perakaunan

Pertimbangan yang telah dibuat oleh pengurusan dalam proses menggunapakai dasar-dasar perakaunan dan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah didedahkan dalam nota masing-masing.

**PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM**
**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**
**(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)**

**2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)**

(c) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (samb.)

(ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

